



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

HUBUNGAN KESEIMBANGAN PERDAGANGAN ANTARA MALAYSIA DAN
CHINA SERTA KESANNYA TERHADAP PERTUMBUHAN
EKONOMI MALAYSIA

SASITHARAN A/L MANOKARAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA EKONOMI
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2012



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGAKUAN

Saya mengaku tesis ini adalah hasil karya saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

24.09.2012

SASITHARAN A/L MANOKARAN
M20092000848



PENGHARGAAN

Saya amat bersyukur kepada tuhan kerana dengan limpah kurnianya dapat saya menyiapkan tesis dan menyempurnakan pengajian pascasiswazah di Universiti Pendidikan Sultan Idris ini. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan saya kepada semua pihak yang telah membantu saya dalam menyiapkan tesis ini dalam masa yang diperuntukkan.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia saya, iaitu Dr.Mohd Yahya bin Mohd Hussin yang telah banyak memberi bimbingan, tunjuk ajar dan meluangkan masa yang banyak dalam membantu saya semasa menyiapkan tesis ini. Proses menyiapkan tesis ini dapat dijalankan dengan lancar adalah disebabkan bimbingan baik yang telah diberi oleh beliau. Oleh itu, jasa beliau amat dihargai dan tak akan dilupai.

Seterusnya saya juga ingin mengucapkan penghargaan kepada ahli keluarga saya yang memberikan sokongan moral serta bantuan kewangan kepada saya agar saya dapat menyiapkan tesis ini.

Di samping itu, saya juga ingin berterima kasih kepada rakan-rakan saya yang dikasihi dengan menyumbangkan bantuan dalam teknikal serta pengetahuan kepada saya untuk menyiapkan tesis ini.

Sekian , terima kasih.

Sasitharan A/L Manokaran
Sarjana Ekonomi Kewangan
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Universiti Pendidikan Sultan Idris





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menganalisis hubungan keseimbangan perdagangan di antara Malaysia dan China serta kesannya terhadap pertumbuhan ekonomi Malaysia. Kajian ini menggunakan data suku tahunan dari suku pertama 1999 hingga suku keempat 2011 yang diambil dari sumber-sumber yang berautoriti. Menggunakan kaedah penganggaran Vektor Autoregrasi (VAR) yang piawai, kajian ini mengaplikasikan ujian integrasi, ujian ko-integrasi, dan ujian penyebab Granger dalam bentuk Model Vektor Pembetulan Ralat (VECM). Pembolehubah-pembolehubah yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada jumlah Keluaran dalam Negara Kasar benar Malaysia (KDNKm), jumlah eksport benar Malaysia ke China (EXm), jumlah import benar Malaysia dari China (IMm) dan jumlah Keluaran dalam Negara Kasar benar China (KDNKc). Hasil kajian menunjukkan wujudnya hubungan keseimbangan jangka panjang di antara pertumbuhan ekonomi Malaysia dengan jumlah eksport benar Malaysia ke China (EXm), jumlah import benar Malaysia dari China (IMm), dan juga jumlah Keluaran dalam Negara Kasar benar China (KDNKc). Dari aspek hubungan penyebab Granger jangka pendek pula di dapati pertumbuhan ekonomi Malaysia dan pertumbuhan jumlah import Malaysia dari China adalah dipengaruhi oleh pertumbuhan dalam ekonomi negara China. Di samping itu, pertumbuhan jumlah eksport Malaysia ke China hanya dipengaruhi oleh pertumbuhan dalam ekonomi Malaysia dan ini menyokong hipotesis eksport berpuncakan pertumbuhan (GLE).





ABSTRACT

This paper examined the equilibrium relationship of trades between Malaysia and China and its impact on the growth of Malaysian economy. This research used quarterly data from the first quarter of 1999 to the fourth quarter of 2011. Using the standard Vector Autoregressive (VAR) estimation method, this research applied the integration test, co-integration test and Granger causality test in the form of Vector Error Correction Model (VECM). The variables involved in this research were real Gross Domestic Product of Malaysia (GDPm), real Malaysia's export to China (EXm), real Malaysia's import from China (IMm), and real Gross Domestic Product of China (GDPc). The empirical results showed the existence of long-term equilibrium relationship between the growth of Malaysian economy with real Malaysia's export to China, real Malaysia's import from China (IMm), and real Gross Domestic Product of China (GDPc). From the aspect of short term Granger causality relationship, it was found that the GDPc influences GDPm and IMm. In addition, it was proven that the growth of EXm was only influenced by the growth in Malaysian economy and this finding supported the GLE hypothesis.



SENARAI KANDUNGAN

Muka Surat

Pengakuan	i
Penghargaan	ii
Abstrak (Bahasa Melayu)	iii
Abstract (Bahasa Inggeris)	iv
Senarai Kandungan	v
Senarai Jadual	ix
Senarai Rajah	x

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	
1.2.1	Ekonomi Malaysia	3
1.2.2	Perdagangan Malaysia (1999-2011)	5
1.2.3	Hubungan Perdagangan Malaysia Dan China	10
1.3	Pernyataan Masalah	14
1.4	Objektif Kajian	16
1.5	Persoalan Kajian	17
1.6	Hipotesis Kajian	17

1.7	Skop dan Limitasi Kajian	19
1.8	Kepentingan Kajian	20
1.9	Definisi Operasional	21
1.10	Organisasi Kajian	22
1.11	Kesimpulan	23

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	24
2.2	Perdagangan	24
2.3	Hubungan Perdagangan Malaysia dan China	26
2.4	Perdagangan dan Pertumbuhan ekonomi	30
2.5	Kesimpulan	62

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	63
3.2	Kerangka Teori	64
3.3	Data dan Pemboleh ubah Kajian	68
3.4	Kaedah Penyelidikan	70
3.5	Kaedah Penganalisaan Data	73
3.5.1	Ujian Deskriptif	73

3.5.2	Ujian Kepegunan	76
3.5.3	Ujian Kointegrasi	81
3.5.4	Analisis Hubungan Penyebab Granger	86
3.5.5	Model Vektor Pembetulan Ralat (VECM)	90
3.6	Kesimpulan	95

BAB 4 ANALISIS KAJIAN

4.1	Pengenalan	96
4.2	Analisis Deskriptif	97
4.3	Analisis Ujian Kepegunan	99
4.3.1	Ujian Punca Unit Imbuhan Dickey Fuller (ADF)	100
4.3.2	Ujian Punca Unit Phillip Perrons (PP)	102
4.4	Ujian Penentuan Tempoh Lat	104
4.5	Analisis Ujian Kointegrasi	106
4.6	Hubungan Keseimbangan Jangka Panjang	109
4.7	Ujian Dignostik	112
4.8	Ujian Penyebab Granger Versi Model Vektor Pembetulan Ralat (VECM)	114
4.9	Kesimpulan	119

**BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	121
5.2	Rumusan	122
5.3	Implikasi Dasar	126
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	128
5.5	Kesimpulan	130

RUJUKAN	131
----------------	-----

LAMPIRAN	140
-----------------	-----



SENARAI JADUAL

Jadual		muka surat
1.1	Pendapatan Negara, Peratus Perubahan Pendapatan Negara, Hasil Perdagangan dan Sumbangan Perdagangan kepada Pendapatan Negara Malaysia dari Tahun 1999 hingga 2010.	7
1.2	Jumlah Perdagangan Malaysia dan Jumlah Perdagangan Malaysia Dengan China dari Tahun 1999 hingga 2010.	12
2.1	Ringkasan Kajian Literatur	48
3.1	Definisi Pemboleh Ubah Perdagangan Malaysia dan China.	68
3.2	Pertukaran Data Siri Masa Pemboleh Ubah Kajian.	70
4.1	Hasil Keputusan Analisis Deskriptif.	97
4.2	Hasil Keputusan Ujian Punca Unit Imbuhan Dickey Fuller (ADF).	101
4.3	Hasil Keputusan Ujian Punca Unit Phillip Perrons (PP).	103
4.4	Hasil Keputusan Ujian Penentuan Tempoh Lat (<i>Lag Length</i>) Berdasarkan Kaedah Penganggaran VAR.	105
4.5	Analisis Ujian Kointegrasi Berbilang Johansen dan Juselius	107
4.6	Hasil Keputusan Hubungan Kointegrasi Menggunakan Tempoh Lat 4.	109
4.7	Hasil Keputusan Ujian Diagnostik.	113
4.8	Hasil Keputusan Kestabilan VAR.	114
4.9	Hasil Keputusan Analisis Model Vektor Pembetulan Ralat (VECM).	116
5.1	Bentuk Arah Hubungan Antara Pemboleh Ubah Kajian	125



SENARAI RAJAH

Rajah		muka surat
3.1	Hubungan Eksport dengan Pertumbuhan Ekonomi Berdasarkan Kepada Hipotesis ELG, GLE, ILG dan GLI.	66
4.1	Analisis Hubungan Penyebab Granger Jangka Pendek Versi VECM (Arah Penyebab).	119





SENARAI SINGKATAN

ADB	- <i>Asian Development Bank</i>
ADF	- <i>Augmented Dickey-Fuller</i>
AFTA	- <i>ASEAN Free Trade Agreement</i>
EXm	- Eksport Malaysia ke China
ELG	- <i>Export- led Growth</i>
FDI	- <i>Foreign Direct Investment</i>
FTA	- <i>Free Trade Agreement</i>
GLE	- <i>Growth –led Export</i>
GLI	- <i>Growth –led Import</i>
IMm	- Import Malaysia dari China
ILG	- <i>Import –led Growth</i>
IRF	- <i>Impulse Response Function</i>
KDNKm	- Keluaran Dalam Negara Kasar benar Malaysia
KDNKc	- Keluaran Dalam Negara Kasar benar China
MATRADE	- Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia
MIDA	- Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia
MITI	- Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
OECD	- <i>Organization for Economic Co-operation and Development</i>
OLS	- <i>Ordinary Least Square</i>
SITC	- <i>Standard International Trade Commodity</i>
UNCTAD	- <i>United Nations Conference on Trade and Development</i>
VAR	- <i>Vector Autoregression</i>
VECM	- <i>Vector Error Correction Model</i>
WTO	- <i>World Trade Organization</i>





BAB SATU

PENGENALAN



Aktiviti pengglobalisasian ataupun pengantarabangsaan dalam pasaran dan perniagaan dunia bukan sesuatu yang baru. Ia telah wujud sebelum negara merdeka lagi dan tidak tertumpu kepada ekonomi atau perniagaan sahaja seperti yang kita faham. Ia merangkumi aspek politik, keselamatan, sosial dan teknologi dalam bentuk sebuah sfera. Aktiviti pengglobalisasian ini mengubah corak dan tingkahlaku sesebuah negara dalam berhubung antara satu sama lain. Perubahan ini bukan sahaja mewujudkan pelbagai ancaman kepada bentuk dan saiz kegiatan ekonomi tetapi juga menyediakan peluang-peluang ekonomi yang luas kepada seluruh negara di dunia ini.

Perubahan ini telah menyebabkan ekonomi dunia semakin luas terbuka dan saling bergantung antara satu sama lain dan seterusnya membawa kepada





pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sesebuah negara. Ini kerana peningkatan produktiviti barangan dan kepelbagaian barangan dalam pasaran menjadikan ekonomi negara penting dalam membangunkan sesebuah negara. Selain itu hasil daripada ekonomi yang dijalankan akan dapat digunakan untuk menggalakkan pembangunan negara tersebut dan seterusnya meningkatkan taraf hidup penduduknya (Balakrishnan, 2006).

Kepentingan pertumbuhan ekonomi yang membawa kepada pembangunan negara ini diterangkan lagi oleh Osman dan Ishak (1994) ;

Pembangunan ekonomi penting kepada sesebuah negara kerana dengan pembangunan ekonomi, sesebuah negara itu dapat memberikan kesejahteraan kepada masyarakat, lebih tinggi tahap pembangunan sesebuah negara itu, bermakna lebih tinggi taraf hidup rakyatnya. (h. 2)



Dengan penerangan ini dapat dilihat kepentingan pertumbuhan ekonomi untuk pembangunan sesebuah negara. Namun pertumbuhan ekonomi sesebuah negara ini dipengaruhi oleh beberapa faktor. Antaranya adalah aktiviti penglobalisasian yang mempengaruhi perdagangan antarabangsa, pelaburan langsung asing, perbelanjaan kerajaan, pengeluaran barangan dan perkhidmatan dan sebagainya. Rentetan itu, kajian ini dibuat adalah untuk melihat salah satu faktor yang mempengaruhi pertumbuhan ekonomi sesebuah negara iaitu perdagangan antarabangsa. Perdagangan antarabangsa ini adalah sebuah skop yang luas untuk dikaji. Maka kajian ini dikhususkan antara negara Malaysia dan China dengan tujuan untuk melihat hubungan keseimbangan perdagangan antara kedua-dua negara dan kesannya terhadap pertumbuhan ekonomi Malaysia.





1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan dasar ekonomi terbuka. Pengamalan dasar ini banyak memberi kesan yang signifikan terhadap pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara. Antara ciri dasar ekonomi terbuka yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara adalah perdagangan antarabangsa. Oleh yang sedemikian sub tajuk ini akan membincangkan latar belakang ekonomi Malaysia dan hubungan perdagangan antara Malaysia dan China.

1.2.1 EKONOMI MALAYSIA



Sebelum mencapai kemerdekaan, ekonomi Malaysia bercirikan ekonomi tradisional dan bergantung pada pasaran antarabangsa. Kegiatan utama pada masa itu ialah pengeluaran getah dan bijih timah. Pekerja ladang getah dibawa masuk dari India manakala pekerja di lombong bijih timah dibawa masuk dari China. Kesannya wujud masyarakat majmuk di Tanah Melayu. Dari segi pembangunan prasarana dan kawasan, ianya lebih tertumpu di kawasan pantai barat berikutan kawasan perlombongan dan perladangan wujud di tempat tersebut (Jamal, 2003 & Rasiah, 2011).

Selepas mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, kerajaan telah memperkenalkan rancangan pembangunan ekonomi bagi tempoh lima tahun bagi setiap rancangan untuk menjana ekonomi negara dengan lebih teratur dan sistematik.





Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)¹ juga turut ditubuhkan yang bertujuan untuk meningkatkan pendapatan dan kualiti kehidupan keluarga petani. Untuk memperbaiki ketidakseimbangan ekonomi antara kaum pula, Dasar Ekonomi Baru (DEB)² telah dilancarkan dan diteruskan dengan Dasar Pembangunan Negara (DPN)³ dan Dasar Wawasan Negara (DWN)⁴. Kesannya ekonomi negara dapat dipulihkan dan berkembang dengan produktif semenjak tahun 1987 hingga masa kini (Poon, 2008).

Ekonomi Malaysia mempunyai asas kepelbagaian yang meluas. Ia juga merupakan negara perdagangan ke-19 terbesar di dunia dengan nilai perdagangan melebihi RM1 trilion (Kementerian Kewangan Malaysia, 2008). Di samping itu, pendapatan per kapita telah meningkat hampir 7 kali ganda, iaitu daripada RM 4,531 pada tahun 1985 kepada RM28,725 pada tahun 2011. Pada masa yang sama kadar pengangguran juga berkurang di bawah paras 4.0 peratus (Kementerian Kewangan Malaysia, 2011). Ini membuktikan dasar kerajaan yang berpandangan jauh dan mesra perniagaan telah mentransformasi ekonomi Malaysia. Transformasi ini telah membolehkan negara mencapai kadar pertumbuhan yang lebih tinggi berbanding pertumbuhan yang mungkin dicapai sekiranya ekonomi masih bergantung kepada komoditi. Melangkah ke hadapan, kerajaan telah menggubal Misi Nasional yang

¹ FELDA ditubuhkan pada 1 Julai 1956 di bawah Ordinan Kemajuan Tanah (*Land Development Ordinance*) 1956 untuk memajukan tanah baru untuk dijadikan ladang pertanian yang produktif melalui pengurusan pertanian yang berkesan dan penempatan semula penduduk luar bandar yang miskin ke kawasan-kawasan yang baru dibangun agar meningkatkan taraf ekonomi mereka.

² Dasar Ekonomi Baru dilancarkan pada tahun 1970 melalui Rancangan Malaysia Kedua yang bertujuan untuk menyusun semula masyarakat dan seterusnya menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi serta mengurangkan kadar kemiskinan tanpa mengira kaum.

³ Dasar Pembangunan Negara dilancarkan pada tahun 1990 selepas DEB yang bertujuan untuk mengukuhkan kestabilan negara dari segi ekonomi, sosial, dan politik melalui mengurangkan ketaksamarataan dalam sosial dan ekonomi antara rakyat, dan menghapuskan jurang antara kaum.

⁴ Dasar Wawasan Negara dilancarkan untuk tempoh dari 2001 -2010 merangkumi Rancangan Malaysia Kelapan dan Kesembilan, bertujuan untuk mewujudkan Bangsa Malaysia yang bersatu padu, progresif dan makmur yang dapat hidup dalam suasana harmoni dan ikatan perkongsian yang saksama.





komited untuk meneruskan transformasi ekonomi ke arah menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020 melalui Model Ekonomi Baru (MEB)⁵. Model ini dilancarkan dengan tujuan untuk memacu ekonomi Malaysia menjadi sebuah negara yang membangun sepenuhnya, berpendapatan tinggi, dan berdaya saing secara strategik di dalam ekonomi serantau dan global.

Transformasi ekonomi ini memerlukan pengamalan dasar fiskal yang cekap agar bersesuaian dengan keadaan ekonomi dunia semasa supaya pertumbuhan ekonomi negara menjadi lebih stabil dan mantap. Antara dasar fiskal yang perlu diberi perhatian adalah seperti dasar yang berkaitan dengan aktiviti perdagangan antarabangsa, berikutan aktiviti perdagangan ini memberi sumbangan yang besar kepada pendapatan negara.



1.2.2 PERDAGANGAN MALAYSIA (1999-2011)

Permulaan aktiviti perdagangan di Malaysia dapat dilihat dari zaman sebelum penjajahan lagi. Ia merupakan sesuatu aktiviti ekonomi utama pada masa itu. Ini kerana aktiviti perdagangan merupakan sumber pendapatan utama kepada rakyat dan juga kerajaan pada masa tersebut. Namun ia dijalankan secara kecil-kecilan dan hanya tertumpu di kawasan pelabuhan kapal sahaja dan ia tidak banyak membantu dalam pertumbuhan ekonomi negara (Tiew, 2006). Ini secara tidak langsung telah

⁵ Model Ekonomi Baru dilancarkan pada 30 mac 2010, yang bertujuan untuk melonjakkan ekonomi negara untuk menjadi negara maju menjelang tahun 2020 dan meningkatkan pendapatan rakyat secara keseluruhan.





menjadikan aktiviti perdagangan sebagai salah satu faktor yang menghubungkan Malaysia dengan dunia luar.

Namun keadaan ini telah berubah selepas Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Ini kerana Malaysia telah berubah dari sebuah negara yang menjalankan kegiatan ekonomi yang berasaskan kepada pertanian, kepada sebuah negara yang mengutamakan sektor perindustrian dan perdagangan sebagai aktiviti ekonomi dan sumber pendapatan yang utama. Perubahan struktur ekonomi ini didorong oleh aktiviti pengglobalisasian dan juga dasar-dasar ekonomi yang lebih liberal dan infrastruktur yang lebih menarik (Normi, 2004). Aktiviti ini seterusnya membantu mempromosikan ekonomi Malaysia kepada negara lain dan turut membantu meningkatkan perdagangan antarabangsa merangkumi perdagangan dua hala di antara Malaysia dengan kebanyakan negara di dunia ini. Perdagangan antarabangsa dua hala ini dikukuhkan lagi dengan beberapa perjanjian antarabangsa seperti Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA)⁶, Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA)⁷ dan lain-lain lagi.

⁶ *Free Trade Agreement* (FTA) merupakan satu perjanjian perdagangan antara negara yang menjalankan perdagangan dengan tujuan untuk melonggarkan syarat persaingan perdagangan dan pelaburan serta merendahkan harga barangan keperluan pengguna.

⁷ *ASEAN Free Trade Agreement* (AFTA) ditubuhkan pada tahun 1992 dengan usahasama antara negara-negara anggota ASEAN untuk mengurangkan / menghilangkan kadar pada perdagangan intra-ASEAN. Tujuannya adalah untuk mengembangkan perdagangan yang lebih besar dan keterkaitan industri di antara negara anggota ASEAN.



Jadual 1.1
Pendapatan Negara, Peratus Perubahan Pendapatan Negara, Hasil Perdagangan dan Sumbangan Perdagangan Kepada Pendapatan Negara Malaysia dari Tahun 1999 hingga 2011.

Tahun	Pendapatan negara (RM juta)	Perubahan pendapatan negara (%)	Hasil perdagangan (RM juta)	Sumbangan perdagangan (%)
1999	279,877.00	4.46	73,082.70	26.11
2000	327,492.00	17.01	61,811.50	18.87
2001	326,956.00	-0.16	54,054.70	16.53
2002	358,152.00	9.54	54,339.60	15.17
2003	396,232.00	10.63	81,135.60	20.48
2004	449,646.00	13.48	81,620.80	18.15
2005	498,485.00	10.86	99,777.90	20.02
2006	557,085.00	11.76	108,192.90	19.42
2007	628,065.00	12.74	100,339.40	15.98
2008	719,438.00	14.55	141,883.20	19.72
2009	665,298.00	-7.52	118,354.90	17.79
2010	739,451.00	11.15	110,233.50	14.91
2011	830,702.00	12.34	120,314.00	14.48

Sumber : Kementerian Kewangan Malaysia, Laporan ekonomi (1999 hingga 2011)

Jadual 1.1 menunjukkan jumlah pendapatan negara, peratus perubahan pendapatan negara, hasil perdagangan dan peratus sumbangan perdagangan terhadap pendapatan negara Malaysia dari tahun 1999 hingga 2011. Secara keseluruhannya perdagangan antarabangsa telah menjadi perintis dalam mempelbagaikan ekonomi Malaysia. Ini dapat dilihat dengan lebih jelas dalam Jadual 1.1, di mana ia menunjukkan jumlah peratus sumbangan perdagangan antarabangsa dalam pendapatan negara. Dalam tempoh 13 tahun, perdagangan antarabangsa banyak memberi sumbangan kepada pendapatan negara. Secara umumnya, pendapatan negara meningkat bagi setiap tahun walaupun peratus peningkatannya adalah sedikit. Ini dapat dilihat pada tahun 1999 di mana jumlah pendapatan negara adalah sebanyak RM 279,877.00 juta dan telah meningkat kepada RM 327,492.00 juta pada tahun 2000.



Namun begitu jumlah pendapatan negara telah berkurangan sebanyak 0.16 peratus pada tahun 2001 dan kembali meningkat dari tahun 2002 sehingga tahun 2008 dengan kadar peningkatan yang berbeza-beza. Pada tahun 2009 pula jumlah pendapatan negara jatuh sebanyak RM 54,140.00 juta dari tahun sebelumnya. Penurunan ini adalah disebabkan oleh krisis kewangan yang berlaku di Amerika Syarikat yang memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Dalam tempoh 13 tahun, hasil aktiviti perdagangan adalah berubah-ubah. Pada tahun 1999 hasil perdagangan adalah sebanyak RM 73,082.70 juta. Namun begitu, pada tahun 2000 dan 2001, hasil perdagangan telah mencatatkan penurunan sebanyak 15.42 peratus dan 12.55 peratus. Ini bermaksud jumlah nilai perdagangan yang dicatatkan pada tahun 2000 dan 2001 adalah sebanyak RM 61,811.50 juta dan RM 54,054.70 juta. Penurunan ini adalah disebabkan kesan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat dan dunia yang mempengaruhi aktiviti ekonomi negara lain (Kementerian Kewangan Malaysia, 2001).

Mulai tahun 2002, nilai hasil perdagangan mencatatkan peningkatan yang berterusan sehingga tahun 2006 dan menurun kembali pada tahun 2007. Namun pada tahun 2008 hasil perdagangan meningkat kepada RM 141,883.20 juta dan jatuh semula pada tahun berikutnya iaitu pada tahun 2009 di mana hasil perdagangan yang dicatatkan adalah sebanyak RM 118,354.00 juta dan RM 110,233.50 juta pada tahun 2010. Penurunan ini adalah disebabkan kegawatan ekonomi yang berlaku di Amerika Syarikat yang berpunca dari masalah krisis gadaian subprima. Di mana Amerika Syarikat merupakan salah satu rakan dagang utama Malaysia. Namun Malaysia





berjaya mengatasi kegawatan ini dan mencatat peningkatan jumlah hasil perdagangan sebanyak RM 10,080.50 juta pada tahun 2011 berbanding tahun sebelumnya.

Berdasarkan Jadual 1.1 juga dapat dilihat peratus sumbangan perdagangan ke atas pendapatan negara dari tahun 1999 hingga 2011. Peratus sumbangan perdagangan ke atas pendapatan negara pada tahun 1999 adalah sebanyak 26.11 peratus dan jatuh sehingga 15.17 peratus pada tahun 2002. Ini selari dengan penurunan hasil perdagangan. Penurunan ini adalah disebabkan oleh keadaan ekonomi dunia yang lembab akibat kegawatan ekonomi 1997/1998 serta serangan ke atas Amerika Syarikat pada 11 September 2001, yang merupakan salah satu negara pendominasi ekonomi dunia. Keadaan ini menjuruskan kepada penurunan dalam hasil perdagangan dan seterusnya menurunkan peratus sumbangannya kepada pendapatan negara.



Pada tahun 2003 pula peratus sumbangan perdagangan kepada pendapatan negara telah meningkat seiring dengan peningkatan hasil perdagangan iaitu sebanyak 20.48 peratus. Pada tahun 2004, 2005 dan 2006 pula sumbangan perdagangan masing-masing mencatatkan sebanyak 18.15 peratus, 20.02 peratus dan 19.42 peratus. Walaupun peratus sumbangan jatuh pada tahun 2004 dan 2006 namun hasil perdagangan telah meningkat bagi ketiga-tiga tahun tersebut.

Manakala pada tahun 2008 sumbangan perdagangan kepada pendapatan negara hanya sebanyak 19.72 peratus walaupun hasil perdagangan adalah tertinggi dalam tempoh 13 tahun tersebut. Tren penurunan sumbangan ini seterusnya dicatatkan untuk tahun 2009, 2010 dan 2011 dengan masing-masing hanya menyumbang 17.79 peratus, 14.91 peratus dan 14.48 peratus. Ini adalah disebabkan faktor-faktor lain yang





diambil kira dalam pendapatan negara seperti pelaburan langsung asing, hasil sektor perkhidmatan dan pembinaan dan lain lain menunjukkan peningkatan. Maka ini menunjukkan walaupun hasil perdagangan meningkat seiring dengan peningkatan pendapatan negara, namun sumbangan hasil perdagangan antarabangsa kepada pendapatan negara semakin berkurangan.

1.2.3 HUBUNGAN PERDAGANGAN MALAYSIA DAN CHINA

Kewujudan hubungan perdagangan di antara Malaysia dan China boleh dilihat sejak zaman kesultanan Melayu Melaka lagi. Hubungan pada masa itu lebih tertumpu kepada aktiviti perdagangan sahaja, iaitu pedagang dari China berlabuh di Melaka untuk menjalankan aktiviti perniagaan dan mendapatkan barangan dari negara barat.

Perdagangan yang dijalankan pada masa itu hanya berkisar kepada barangan yang agak mewah contohnya kain-kain sutera, dan juga barangan tembikar. Manakala di pihak Kesultanan Melayu Melaka pula barangan yang menjadi pertukaran ialah rempah-ratus, bijih timah dan sebagainya (Tiew, 2006). Namun sejak tahun 1974, hubungan di antara Malaysia dengan China menjadi erat lagi dan tidak hanya tertumpu kepada sektor perdagangan sahaja, ia juga terjalin dari segi hubungan diplomatik antara kedua-dua negara.

Aktiviti perdagangan ini menjadi satu aktiviti ekonomi yang penting bagi negara Malaysia dan juga China. Selain itu penyertaan China dalam Organisasi





Perdagangan Dunia (WTO)⁸ pada 11 Disember 2001 telah menjadikan China sebagai satu pasaran yang berpotensi besar untuk melabur, berdagang dan mengaut keuntungan. Ini membawa kepada pembangunan negara China sebagai satu pasaran yang besar di dunia perdagangan antarabangsa. Selain itu hubungan perdagangan di antara Malaysia dengan China menjadi semakin kukuh apabila China menyertai pakatan yang dinamakan ASEAN + 3⁹ dan juga selepas perjanjian ACFTA¹⁰ (*ASEAN China Free Trade Agreement*) (Kwek dan Tham, 2005). Selain perjanjian-perjanjian ini, pembangunan pesat yang berlaku di China dan dengan bekalan tenaga buruh yang boleh didapati dengan harga yang murah berbanding negara lain menjadikan negara ini menjadi tumpuan negara-negara asing.

Secara umumnya, hubungan perdagangan antara Malaysia dan China wujud secara dua hala, di mana China mengimport barang dari Malaysia dan mengeksport barang ke Malaysia. Manakala Malaysia juga mengimport barang dari China dan mengeksport barang ke China. Namun imbalan perdagangan antara kedua-dua negara ini adalah tidak seimbang sejak beberapa tahun yang lepas. Ini dapat dilihat dalam statistik yang dikeluarkan oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)¹¹ dalam Jadual 1.2.

⁸ *World Trade Organisation* (WTO) atau Organisasi Pedagangan Dunia adalah satu organisasi yang ditubuhkan pada 1 Januari 1995 untuk mendorong perdagangan bebas antara negara, dengan mengurangkan dan menghilangkan halangan perdagangan seperti tarif, menyediakan forum perundingan perdagangan antarabangsa dan menyelesaikan masalah perdagangan dan memantau aktiviti perdagangan di negara-negara anggotanya.

⁹ ASEAN+3 merupakan satu pakatan kerjasama antara negara-negara anggota ASEAN dan tiga negara di Asia Timur Laut yang dibentuk pada Disember 1997 dengan tujuan untuk meningkatkan kerjasama antara negara Asia Timur dalam ekonomi, kewangan, pembangunan sosial dan sumber manusia, pembangunan saintifik dan teknikal, budaya dan informasi, dan pembangunan infrastruktur.

¹⁰ ACFTA merupakan satu perjanjian antara negara-negara ASEAN dan China yang ditandatangani pada 4 November 2002 dengan tujuan mewujudkan satu kawasan perdagangan bebas di kalangan 11 negara ASEAN.

¹¹ Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) ditubuhkan pada tahun 1993, untuk membangun dan mempromosikan eksport Malaysia ke dunia dan membimbing syarikat tempatan dalam pasaran antarabangsa.



Jadual 1.2
Jumlah Perdagangan Malaysia dan Jumlah Perdagangan Malaysia dengan China dari
Tahun 1999 hingga 2011.

Tahun	Jumlah perdagangan Malaysia (RM juta)			Jumlah perdagangan dengan China (RM juta)		
	Eksport	Import	Imbangan Dagangan	Eksport	Import	Imbangan Dagangan
1999	321,559.50	248,476.80	73,082.70	8,804.00	8,151.00	653.00
2000	373,270.30	311,458.90	61,811.40	11,507.00	12,321.00	-814.00
2001	334,283.80	280,229.10	54,054.70	14,520.00	14,457.00	63.00
2002	357,430.00	303,090.50	54,339.50	20,008.00	23,329.00	-3,321.00
2003	398,881.80	317,746.20	81,135.60	25,791.00	27,630.00	-1,839.00
2004	481,253.00	399,632.20	81,620.80	32,149.00	39,290.00	-7,141.00
2005	533,787.80	434,009.90	99,777.90	35,221.00	49,880.00	-14,659.00
2006	588,965.50	480,772.50	108,193.00	42,661.00	58,200.00	-15,539.00
2007	605,153.20	504,813.80	100,339.40	53,035.50	64,903.30	-11,867.80
2008	663,494.00	521,610.80	141,883.20	63,435.00	66,853.00	-3,418.00
2009	553,295.30	434,940.40	118,354.90	67,359.00	61,026.00	6,333.00
2010	639,428.10	529,194.60	110,233.50	80,105.00	66,430.00	13,675.00
2011	694,548.00	574,234.00	120,314.00	91,247.00	75,613.00	15,634.00

Sumber : Kementerian Kewangan Malaysia, Laporan ekonomi (1999 hingga 2011)
Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia, laporan tahunan (1999 hingga 2011).

Jadual 1.2 menerangkan tentang jumlah perdagangan Malaysia secara keseluruhan dan juga jumlah perdagangan Malaysia dengan China dari tahun 1999 hingga 2011. Daripada Jadual 1.2, dapat dilihat jumlah keseluruhan perdagangan Malaysia bagi setiap tahun adalah meningkat di mana pada tahun 1999 jumlah imbangan dagangan adalah sebanyak RM 73,082.70 juta dan berkurang pada tahun 2000 dan 2001 dengan masing-masing mencatatkan lebih dagangan sebanyak RM 61,811.40 juta dan RM 54,054.70 juta. Pada tahun 2002 pula imbangan dagangan meningkat sebanyak 0.53 peratus berbanding tahun sebelumnya dan seterusnya mencatatkan peningkatan dalam imbangan perdagangan sehingga tahun 2008.



Pada tahun 2009, imbalan dagangan telah berkurangan sebanyak RM 23,528.30 juta dari tahun sebelumnya dan terus jatuh pada kadar 6.86 peratus pada tahun 2010. Penurunan ini adalah disebabkan oleh krisis ekonomi dunia yang membawa kepada kejatuhan dalam aliran perdagangan dan pelaburan global. Keadaan ini berpunca daripada keruntuhan pasaran kewangan di negara maju yang mengakibatkan kekangan kredit yang teruk dan menjejaskan firma serta individu seterusnya menjatuhkan permintaan global yang mempengaruhi perdagangan antarabangsa (Kementerian Kewangan Malaysia, 2009).

Dari segi perdagangan dengan negara China, jumlah eksport dan import telah menunjukkan peningkatan dari tahun 1999 hingga 2011. Jumlah eksport Malaysia ke China telah meningkat hampir 10 kali ganda iaitu dari RM 8,804.00 juta pada tahun 1999 kepada RM 91,247.00 juta pada tahun 2011 dan jumlah import dari China ke Malaysia pula meningkat dari RM 8,151.00 pada tahun 1999 kepada RM 75,613.00 pada tahun 2011 iaitu hampir 9 kali ganda. Manakala jumlah keseluruhan eksport Malaysia ke rakan dagangannya pula hanya meningkat 2 kali ganda kepada RM 694,548.00 juta pada tahun 2011 daripada RM 321,559.50 juta pada tahun 1999. Bagi jumlah keseluruhan import pula berlaku peningkatan lebih daripada 2 kali ganda iaitu dari RM 248,476.80 juta pada tahun 1999 kepada RM 574,234.00 pada tahun 2011.

Apabila dilihat dari segi sumbangan jumlah eksport Malaysia ke China dengan jumlah eksport Malaysia dengan semua rakan dagangannya, ianya menunjukkan peningkatan iaitu dari 2.7 peratus pada tahun 1999 kepada 13.1 peratus pada tahun 2011. Manakala bagi sumbangan jumlah import Malaysia dari China kepada jumlah import Malaysia dengan semua rakan dagangannya pula menunjukkan peningkatan





iaitu dari 3.3 peratus pada tahun 1999 kepada 13.1 peratus pada tahun 2011. Ini membuktikan Malaysia telah menumpukan aktiviti perdagangan dengan negara China selaras dengan peningkatan aktiviti perdagangan keseluruhan Malaysia.

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Pembangunan dan pertumbuhan ekonomi yang pantas dalam dua dekad yang terdekat ini, menjadikan negara China sebagai sebuah pasaran yang besar untuk perdagangan antarabangsa dan kuasa besar dalam ekonomi dunia. Dijangka juga China akan mengatasi pendominasian Amerika Syarikat dalam perdagangan antarabangsa. Ini menyebabkan negara-negara lain bersaing untuk meningkatkan peluang perniagaan dengan China (Eichengreen dan Hui, 2006). Keadaan ini bertambah kukuh lagi selepas penyertaan China dalam Organisasi Perdagangan Dunia (WTO). Selain itu jumlah populasi yang ramai di negara China telah mewujudkan pasaran yang cukup luas, di mana keadaan ini mewujudkan jumlah permintaan yang tinggi untuk barangan dan juga penawaran tenaga buruh yang ramai pada kos yang rendah. Ini menjadikan pasaran China sebagai sebuah destinasi utama untuk aktiviti perdagangan dan pelaburan untuk kebanyakan negara. Keadaan ini tidak terkecuali juga bagi Malaysia untuk menjalankan aktiviti perdagangan dengan China.

Malaysia telah melakukan perdagangan dengan China sejak tahun 1974, dan nilai jumlah perdagangan tersebut telah meningkat secara mendadak selaras dengan pembangunan negara China. Perubahan dalam jumlah perdagangan ini memberi kesan ke atas pertumbuhan ekonomi negara Malaysia. Peningkatan hasil aktiviti





perdagangan Malaysia dan China ke atas jumlah perdagangan Malaysia dapat dilihat dalam Jadual 1.2, di mana lebih 12 peratus jumlah perdagangan Malaysia pada tahun 2011 adalah hasil dari aktiviti perdagangan dengan negara China berbanding hanya 0.9 peratus pada tahun 1999. Ini menunjukkan berlakunya peningkatan aktiviti perdagangan antara Malaysia dengan China yang seterusnya mempengaruhi dan memacu pertumbuhan ekonomi Malaysia. Walaupun jumlah perdagangan di antara Malaysia dengan China meningkat namun imbalan perdagangan adalah tidak seimbang bagi kebanyakan tahun. Ini dapat dilihat dengan jelas dalam Jadual 1.2, di mana imbalan dagangan antara Malaysia dengan China adalah negatif antara tahun 2002 hingga 2008. Ini menerangkan bahawa walaupun jumlah perdagangan antara Malaysia dengan China meningkat namun ia adalah tidak seimbang iaitu Malaysia mengimport lebih banyak dari China berbanding mengeksport ke China. Ini jelas menunjukkan masih wujud masalah di dalam aktiviti perdagangan antara Malaysia dan China.

Rentetan itu, sewajarnya kajian yang berkaitan dengan hubungan perdagangan antara Malaysia dan China perlu dilakukan berikutan wujudnya masalah ketidakseimbangan dalam imbalan perdagangan antara kedua-dua negara. Selain itu, pasaran yang luas di China merupakan satu peluang yang baik bagi Malaysia untuk meningkatkan lagi aktiviti perdagangan antara kedua-dua negara. Oleh itu, kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk melihat hubungan keseimbangan perdagangan di antara Malaysia dan China serta pengaruhnya ke atas pertumbuhan ekonomi negara.





1.4 OBJEKTIF KAJIAN

1.4.1 OBJEKTIF UMUM

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji hubungan keseimbangan perdagangan antara Malaysia dan China serta kesannya terhadap pertumbuhan ekonomi Malaysia.

1.4.2 OBJEKTIF KHUSUS

- i. Memeriksa hubungan jangka panjang antara Keluaran dalam Negara Kasar benar Malaysia (KDNKm) dengan pemboleh ubah perdagangan antara Malaysia dengan China dan juga Keluaran dalam Negara Kasar benar China (KDNKc).
- ii. Mengenal pasti hubungan penyebab Granger jangka pendek di antara Keluaran dalam Negara Kasar benar Malaysia (KDNKm) dengan indikator perdagangan Malaysia dan China serta Keluaran dalam Negara Kasar benar China (KDNKc).
- iii. Menentukan sama ada pemboleh ubah Keluaran dalam Negara Kasar benar Malaysia (KDNKm) merupakan indikator utama (*leading indicator*) kepada perubahan dalam aktiviti import dan eksport antara Malaysia dengan China atau sebaliknya.





1.5 PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan kepada pernyataan masalah yang dibincangkan sebelum ini, terdapat tiga (3) persoalan kajian yang diutarakan dalam tesis ini. Persoalan-persoalan kajian tersebut adalah seperti berikut:

- i. Adakah wujudnya hubungan keseimbangan jangka panjang antara pertumbuhan ekonomi Malaysia dengan perdagangan Malaysia dan China serta pertumbuhan ekonomi China?
- ii. Adakah wujud hubungan penyebab Granger jangka pendek antara pertumbuhan ekonomi Malaysia dengan pemboleh ubah perdagangan Malaysia dan China serta pertumbuhan ekonomi China?
- iii. Adakah pemboleh ubah pertumbuhan ekonomi Malaysia merupakan indikator utama (*leading indicator*) kepada perubahan dalam import dan eksport antara Malaysia dengan China atau sebaliknya?

Kesemua persoalan-persoalan kajian ini penting dalam mengenal pasti bentuk hubungan dan gelagat antara pertumbuhan ekonomi dengan aktiviti perdagangan Malaysia-China yang seterusnya boleh mempengaruhi pertumbuhan dan kestabilan ekonomi negara.





1.6 HIPOTESIS KAJIAN

Asas hipotesis kajian ini adalah melihat hubungan keseimbangan perdagangan di antara Malaysia dan China dan impaknya terhadap pertumbuhan ekonomi Malaysia. Oleh yang sedemikian, hipotesis kajian ini di bentuk berdasarkan kepada teori ekonomi dan ianya adalah seperti berikut:

- i. Terdapatnya hubungan jangka panjang yang signifikan antara jumlah Keluaran dalam Negara Kasar benar Malaysia (KDNKm) dengan set pemboleh ubah perdagangan Malaysia dan China serta Keluaran dalam Negara Kasar benar China (KDNKc).
- ii. Terdapatnya hubungan jangka panjang yang positif dan signifikan antara jumlah Keluaran dalam Negara Kasar benar Malaysia (KDNKm) dengan pemboleh ubah jumlah eksport benar Malaysia ke China (EXm).
- iii. Terdapatnya hubungan jangka panjang yang negatif dan signifikan antara jumlah Keluaran dalam Negara Kasar benar Malaysia (KDNKm) dengan jumlah import benar Malaysia dari China (IMm).
- iv. Terdapatnya hubungan jangka panjang yang positif dan signifikan antara jumlah Keluaran dalam Negara Kasar benar Malaysia (KDNKm) dengan jumlah Keluaran dalam Negara Kasar benar China (KDNKc).
- v. Terdapatnya hubungan penyebab Granger jangka pendek yang signifikan antara jumlah Keluaran dalam Negara Kasar benar Malaysia (KDNKm) dengan pemboleh ubah jumlah eksport benar Malaysia ke China (EXm).
- vi. Terdapatnya hubungan penyebab Granger jangka pendek yang signifikan antara jumlah Keluaran dalam Negara Kasar benar Malaysia (KDNKm)



dengan jumlah import benar Malaysia dari China (IMm).

- vii. Terdapatnya hubungan penyebab Granger jangka pendek yang signifikan antara jumlah Keluaran dalam Negara Kasar benar Malaysia (KDNKm) dengan jumlah Keluaran dalam Negara Kasar benar China (KDNKc).

1.7 SKOP DAN LIMITASI KAJIAN

Fokus kajian ini ialah untuk melihat hubungan perdagangan di antara Malaysia dan China serta kesannya ke atas pertumbuhan ekonomi Malaysia. Terdapat beberapa aspek penting yang menjadi tumpuan dalam kajian ini, iaitu aspek hubungan keseimbangan jangka panjang dan aspek hubungan penyebab Granger jangka pendek antara Keluaran dalam Negara Kasar benar Malaysia dengan pemboleh ubah perdagangan.

Bagi menjadikan kajian ini lebih terfokus, beberapa limitasi kajian ditetapkan seperti berikut:

i. Limitasi Pemboleh ubah Kajian

Pemboleh ubah kajian yang digunakan dalam tesis ini terdiri daripada jumlah Keluaran dalam Negara Kasar benar Malaysia (KDNKm), jumlah eksport benar Malaysia ke China (EXm), jumlah import benar Malaysia dari China (IMm) dan jumlah Keluaran dalam Negara Kasar benar China (KDNKc). Pemboleh ubah-pemboleh ubah ini dipilih berdasarkan kepada kesesuaian dalam kajian ini dan seiring dengan kajian-kajian lepas yang dilakukan oleh





penyelidik-penyelidik sebelum ini. Ini semua boleh dilihat dengan lebih lanjut dalam ringkasan kajian literatur.

ii. Limitasi Data Kajian

Data kajian yang digunakan adalah berbentuk suku tahunan iaitu dari suku pertama tahun 1999 hingga suku keempat tahun 2011. Data-data tersebut diambil dari sumber-sumber yang berautoriti seperti Buletin Statistik Bulanan Bank Negara Malaysia, laporan ekonomi tahunan Malaysia, Laporan tahunan MATRADE dan *National Bureau of Statistical of China*.

1.8 KEPENTINGAN KAJIAN



Kajian ini penting bagi penggubal dasar ekonomi di Malaysia untuk menentukan prestasi perdagangan antarabangsa di antara Malaysia dan China dan melihat kesannya ke atas pertumbuhan ekonomi negara. Ini kerana kewujudan peluang perdagangan yang besar dengan China dapat di gunakan dengan baik supaya dapat menguntungkan Malaysia. Ini kerana Malaysia menawarkan banyak peluang pelaburan dan kerjasama kepada pelabur dan usahawan dari China termasuk sebagai pintu masuk di pasaran ASEAN. Iaitu pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN-China (AFTA) menawarkan pasaran besar dengan jumlah penduduk 570 juta orang dan ditambah pula dengan Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-China (AFTA) menjadikan ia sebagai FTA yang terbesar di dunia – peluang ini perlu di ambil oleh Malaysia bagi meningkatkan perdagangan dua hala dengan negara China dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi Malaysia.





Selain itu, analisis ke atas perubahan aliran perdagangan juga memberi gambaran kepada aliran perdagangan bagi masa akan datang dan pengaruhnya ke atas peningkatan pendapatan negara. Dengan maklumat ini, pengubal dasar dapat mengenal pasti dan menentukan faktor-faktor yang mempengaruhi pertumbuhan ekonomi di Malaysia. Oleh itu, mereka dapat merancang bagaimana cara untuk meningkatkan pendapatan negara.

Seterusnya hasil kajian ini diharap dapat mengukuhkan lagi penemuan-penemuan yang diperoleh terhadap hubungan antara perdagangan dengan pertumbuhan ekonomi Malaysia oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini.



1.9 DEFINISI OPERASIONAL

Kajian ini melibatkan beberapa kata kunci. Kata-kata kunci tersebut ialah hubungan keseimbangan, perdagangan dan pertumbuhan ekonomi. Untuk memudahkan kajian ini, kata-kata kunci berkenaan memerlukan definisi operasional masing-masing. Ianya dihuraikan seperti berikut:

- i. Hubungan keseimbangan: Hubungan keseimbangan merujuk kepada hubungan jangka panjang antara pemboleh ubah-pemboleh ubah yang dikaji berdasarkan kepada ujian kointegrasi. Ianya cuba mengenal pasti kewujudan hubungan keseimbangan dalam jangka masa panjang antara pemboleh ubah yang terlibat untuk sesuatu tempoh masa kajian dilakukan.





- ii. Perdagangan : Perdagangan merupakan suatu bentuk urusan niaga penukaran barangan dan perkhidmatan yang dijalankan oleh beberapa orang atau negara untuk menjana hasil dan mendapatkan barang keperluan mereka. Dalam kajian ini, ia merujuk kepada aktiviti eksport dan import di antara Malaysia dengan China.
- iii. Pertumbuhan ekonomi : Pertumbuhan ekonomi di sini membawa maksud perkembangan dalam ekonomi negara yang mana ia merujuk kepada peningkatan dalam pendapatan negara atau jumlah keluaran benar barangan dan perkhidmatan.

1.10 ORGANISASI KAJIAN



Tesis ini meliputi lima bab. Bab pertama adalah pendahuluan yang mengandungi pengenalan, pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, hipotesis kajian, organisasi kajian dan definisi operational. Bab kedua pula berkaitan dengan kajian literatur. Dalam bab ini mengandungi ulasan karya-karya dari kajian lepas yang berkenaan dengan kajian ini. Bab ketiga pula berkaitan dengan kerangka teori dan metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini. Penekanan adalah terhadap kaedah kuantitatif iaitu melalui data-data sekunder yang diperoleh dari sumber-sumber yang berautoriti. Data ini akan dianalisis dengan menggunakan perisian E-Views 5.1.

Manakala bab keempat memfokuskan kepada penemuan hasil kajian. Ianya memuatkan hasil penganalisan berdasarkan kepada ujian-ujian yang telah





dilaksanakan bagi mencapai objektif dan hipotesis kajian yang telah digariskan. Bahagian terakhir iaitu bab kelima mengenai kesimpulan, implikasi dasar kajian dan cadangan. Bab ini bertujuan menerangkan keseluruhan kajian yang telah dijalankan secara ringkas bermula dari bab satu hingga bab empat dan juga memberi cadangan dan implikasi dasar ke atas hubungan perdagangan Malaysia dengan China dan pertumbuhan ekonomi Malaysia.

1.11 KESIMPULAN

Topik yang diketengahkan dalam kajian ini amat penting dan menarik untuk dikaji. Peningkatan dalam aktiviti perdagangan ini mempengaruhi pertumbuhan ekonomi negara. Rentetan itu, hubungan keseimbangan perdagangan dan pertumbuhan ekonomi Malaysia perlu diberi perhatian yang sewajarnya bagi memastikan ekonomi negara lebih berdaya saing dan seterusnya dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara.

Oleh itu, berdasarkan objektif dan kepentingan kajian yang digariskan, hasil kajian ini dilihat bukan sahaja dapat memberi manfaat kepada pengkaji lain untuk mendalami dan menceburi bidang perdagangan dan pertumbuhan ekonomi, bahkan penting sebagai informasi yang berguna kepada penggubal dasar dalam merangka dasar kerajaan yang sesuai dan seterusnya dapat merangsang serta memacu perkembangan ekonomi negara.

